



AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT
LAND PUBLIC TRANSPORT AGENCY

HEBAHAN AWAM

**APAD MEMBUKA PERMOHONAN LESEN PERUBAHAN SEMENTARA
(LPS) SECARA ATAS TALIAN (*ONLINE*) SEPANJANG TEMPOH
PENUTUPAN PEJABAT APAD DI WAKTU PKP 3.0**

1. Susulan penutupan semua pejabat dan kaunter APAD sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0, permohonan Lesen Perubahan Sementara (LPS) boleh dikemukakan kepada APAD secara atas talian (*online*).
2. Para pengusaha dan pemandu pengangkutan awam darat yang berminat boleh mengemukakan permohonan ke emel: **ips.lk@apad.gov.my** beserta dokumen sokongan seperti berikut:
 - a. Borang permohonan Lesen Perubahan Sementara (COVID-19) (APAD/LK/28/REV00). Borang boleh dimuat turun dari laman rasmi APAD (**www.apad.gov.my**)
 - b. Dokumen berkaitan seperti yang tercatat di dalam senarai semak borang.
 - c. Menyertakan maklumat pegawai syarikat yang boleh dihubungi untuk sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut.
3. Jika memenuhi kriteria dan syarat, pemohon akan dihubungi APAD melalui emel untuk proses membuat bayaran fi proses dan bayaran kelulusan. Surat kelulusan akan di emelkan kepada pemohon setelah pembayaran diterima.
4. Pembayaran adalah secara bank draf/*money order*/wang pos sebanyak RM10 (Fi Proses) dan RM20 bagi bayaran kelulusan dan hendaklah

diposkan secara berdaftar ke APAD. Alamat akan dimaklumkan oleh pegawai APAD di wilayah masing-masing.

5. Sehubungan itu, pihak APAD memohon kerjasama semua pengendali yang berminat agar mengambil maklum mengenai perkara ini. Pihak APAD sentiasa berusaha untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik pada setiap masa dan sokongan berterusan semua pihak amatlah diharapkan.

TAMAT

Mengenai APAD.

Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) adalah salah satu agensi di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia yang bertanggungjawab dalam mengawal selia dan memantau aspek perlesenan kenderaan perkhidmatan awam, kenderaan pelancongan, kenderaan barangan dan sistem rel di Semenanjung Malaysia

Pertanyaan Media.

Unit Komunikasi Korporat
Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD)
Kementerian Pengangkutan Malaysia
Emel: ukk@apad.gov.my